

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung SCCS ke-24 akan diadakan pada **15 Mac 2026 (Ahad), jam 2:00 petang dalam format hibrid**. Mesyuarat akan diadakan **secara fizikal** di **Bilik Mesyuarat, Sarawak Children's Cancer Society (SCCS)** dan juga **secara maya melalui Zoom**.

AGENDA

Agenda mesyuarat adalah seperti berikut:

1. Ucapan aluan Pengerusi
2. Membentang dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-23.
3. Membincangkan perkara berbangkit dari Mesyuarat Agung Tahunan ke-23 (jika ada).
4. Menerima Laporan Tahunan Ahli Jawatankuasa bagi tahun 2024.
 - 4.1 Menerima dan meluluskan laporan dari Setiausaha bagi tahun 2025.
 - 4.2 Menerima dan meluluskan laporan dari Bendahari dan Penyata Kewangan yang telah diaudit berakhir 31hb Disember 2025
5. Menerima, mempertimbangkan, dan meluluskan cadangan belanjawan bagi tahun 2026 daripada Ahli Jawatankuasa.
6. Pembubaran Ahli Jawatankuasa Pusat SCCS bagi penggal 2024 - 2025
7. Mengadakan pemilihan anggota baru Ahli Jawatankuasa Pusat bagi penggal 2026-2027 selepas lantikan Pengerusi
8. Melantik seorang juruaudit berkelayakan (peraturan 11 dalam Perlembagaan).
9. Melantik 3 pegawai di bawah Seksyen 9(b), Akta Masyarakat, 1966 (Peraturan 12(2) dalam Perlembagaan)
10. Membincang hal yang lain* (jika ada)
11. Mesyuarat bersurai.

Yang menjalankan tugas,



(MARY KIU AI LING)

Setiausaha

Tarikh: 15 Januari 2026

Pengumuman SMS bersertakan pautan kepada notis ini akan dihantar kepada semua ahli melalui nombor telefon yang telah diberi. Notis ini juga akan dikongsikan di kumpulan Facebook / WhatsApp keluarga SCCS dan diemel kepada ahli-ahli yang telah memberikan alamat emel mereka.

Dokumen-dokumen yang akan disediakan sebelum AGM:

- (a) Laporan Aktiviti untuk tahun 2025:
- (b) Minit-minit untuk Mesyuarat Agung Tahunan Ke-23;
- (c) Maklumat tentang calon-calon yang bertanding untuk pemilihan Ahli Jawatankuasa (akan dimuat naik pada 1 Mac);

Dokumen-dokumen (a) - (b) boleh didapati di <https://sccs.org.my/agm/>

Nota-nota penting :

AGM Ke-22 akan diadakan melalui kaedah hibrid seperti berikut:

- a. Ahli-ahli boleh memilih untuk menghadiri mesyuarat fizikal di SCCS Centre Kuching, ataupun mengikuti kelangsungan AGM di platform Zoom.
- b. Untuk menghadiri AGM secara maya, sila daftar di <https://sccs.org.my/agm/>
- c. **Pautan untuk Zoom bersertakan arahan** akan dihantar kepada **peserta-peserta berdaftar** pada **9 Mac 2026 melalui WhatsApp atau emel.**
- d. Kami akan berusaha untuk menjawab semua soalan penting dan relevan yang dikemukakan di AGM tetapi sekiranya masa tidak mengizinkan, kami akan memberi maklum balas dengan emel kepada ahli tersebut. Sekiranya pertanyaan berkenaan kepentingan umum, kami akan muat naik maklum balas di laman web SCCS.
- e. Maklumat calon-calon yang boleh diperolehi di sini adalah sulit dan disediakan dengan satu tujuan sahaja untuk membolehkan ahli-ahli membuat pertimbangan pemilihan calon-calon mereka. **Semua ahli mesti merahsiakan dan tidak boleh mendedahkan atau menggunakan, secara keseluruhan atau sebahagian, maklumat calon-calon untuk mana-mana tujuan yang lain kecuali dengan kebenaran terdahulu daripada calon berkenaan.**

Hak untuk Mengundi di bawah Perlembagaan SCCS

Peraturan 72 (e) Hak Mengundi

Semua ahli kecuali Ahli Kehormat (*Honorary Members*) dan Ahli Remaja (*Junior Members*) berhak untuk memberi satu (1) undi dan undian akan dilakukan secara angkat tangan melainkan diminta cara lain oleh Pehimpunan Agung.